



**KEMASUKAN  
SESI  
JUN 2020**



POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

---

**BUKU PANDUAN  
PENDAFTARAN  
PELAJAR BAHARU**

---

[www.psis.edu.my](http://www.psis.edu.my) | 03-32806257

# MAKLUMAT UMUM

## LATAR BELAKANG POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH

Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) terletak di Sungai Lang, Sabak Bernam, Selangor, kira-kira 30 km dari pekan Sungai Besar dan 20 km dari Sabak Bernam. Politeknik ini mula beroperasi pada 16 Mei 2003 dengan kampus seluas 100.12 ekar serta dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan prasarana terkini yang menawarkan persekitaran pembelajaran yang menarik dan kondusif. PSIS merupakan politeknik ke 17 yang ditubuhkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan menawarkan program-program sepenuh masa di peringkat Diploma dalam bidang Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Perdagangan, Teknologi Maklumat & Komunikasi, Pengurusan Hotel & Katering dan Pelancongan dan Pra Diploma Sains.



## PELAN LOKASI





<b>Koordinat</b>	: 3.811595, 100.819097
<b>Alamat</b>	: Politeknik Sultan Idris Shah Sungai Lang, 45100 Sungai Air Tawar Selangor Darul Ehsan
<b>Telefon</b>	: 03 – 32806257/6258/6262/6255/6256
<b>Faks</b>	: 03 - 32806400



## MAKLUMAT PENDAFTARAN SESI JUN 2020

	TARIKH	MASA	TEMPAT
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM	3 OGOS 2020		
JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK	4 OGOS 2020		PADANG KAWAD
JABATAN PERDAGANGAN	5 OGOS 2020	8.30 AM – 11.30 AM	*pendaftaran secara pandu lalu
JABATAN PELANCONGAN & HOSPITALITI	6 OGOS 2020		
JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI	7 OGOS 2020		




## **MAKLUMAT JABATAN**

Di Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), terdapat lima jabatan umum dan dua jabatan sokongan.



## PROGRAM YANG DITAWARKAN



## BANTUAN KEWANGAN

**PSIS TIDAK MENJAMIN** sebarang bentuk bantuan biasiswa/pinjaman kewangan kepada pelajar. Tawaran biasiswa/pinjaman adalah di luar bidang kuasa politeknik. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menyediakan wang perbelanjaan secukupnya untuk sara hidup, pengangkutan, alat pembelajaran, buku dan lain-lain. Pelajar dinasihatkan supaya berusaha mendapatkan maklumat dan seterusnya (sekiranya layak) memohon biasiswa/pinjaman dari Yayasan Negeri masing-masing sebelum mendaftar diri di PSIS. Pelajar boleh menggunakan surat tawaran melanjutkan pelajaran ke Politeknik untuk tujuan tersebut. Berikut adalah antara bantuan pinjaman/biasiswa yang boleh dimohon oleh pelajar;

### BANTUAN PINJAMAN & BIASISWA

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Baitulmal Negeri

Biasiswa Sukan KPM

Dermasiswa KPM (OKU)

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA)

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Lembaga Zakat Negeri

Yayasan Negeri

## **KEMUDAHAN KOLEJ KEDIAMAN**

### **SEMUA PELAJAR BAHARU ADALAH DITAWARKAN DENGAN KEMUDAHAN KOLEJ**

**KEDIAMAN.** Semua pelajar yang tinggal di Kolej Kediaman Pelajar adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan Kolej Kediaman Pelajar dan politeknik. Sebarang perlanggaran peraturan Kolej Kediaman Pelajar boleh menyebabkan pelajar dikenakan tindakan disiplin dan ditarik kemudahan Kolej Kediaman Pelajar.

Sila pastikan perkara berikut disediakan semasa pendaftaran Kolej Kediaman Pelajar :

- Menyediakan pad lock almari baju dan pastikan ianya dari jenis yang bermutu dan sukar untuk dibuka. Ini adalah sebagai langkah keselamatan terhadap barang berharga anda.
- Bantal, sarung bantal dan cadar untuk tilam bujang (bercorak atau berwarna kosong)
- Kain selimut (bercorak atau berwarna kosong)
- Pakaian kuliah secukupnya.
- Barang – barang keperluan peribadi yang lain dan bekalan ubat (jika berkaitan).

## **RUPA DIRI DAN ETIKA PAKAIAN**

- Pelajar-pelajar adalah tertakluk kepada semua peraturan bertulis di Politeknik KPM. Secara umumnya pelajar-pelajar hendaklah sentiasa berpakaian menutup aurat (bagi pelajar Islam), kemas, bersih, dan sopan ketika menghadiri kuliah dan aktiviti-aktiviti di politeknik.

Semua jenis pakaian yang mencolok mata adalah dilarang.

### **Pakaian dan Rupa Diri Pelajar Lelaki**

#### **Baju**

- Baju kemeja berlengan panjang atau pendek yang sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in)
- Butang baju mestilah dikancing dengan sempurna.
- Pemakaian baju Melayu dibenarkan tetapi hendaklah lengkap sepasang berserta dengan sampin dan songkok hitam.
- Dilarang memakai baju kemeja-T jenis berkollar yang mempunyai tulisan atau gambar berunsur liar atau negatif.
- Dilarang memakai Baju kemeja-T tanpa kollar.

#### **Seluar**

- Seluar panjang jenis cotton atau slack
- Dilarang memakai seluar jeans untuk dipakai ke kuliah.

#### **Kasut**

- Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat dan sempurna berstokin. Kasut sukan dibenarkan.
- Dilarang memakai selipar, terompah, capal dan seumpamanya.
- Dilarang memakai kasut berladam logam yang berbunyi bising.

#### **Rambut**

- Rambut sentiasa pendek dan kemas. Aras belakang tidak melebihi paras kollar baju, aras tepi tidak melebihi paras setengah telinga dan aras depan tidak melebihi dahi.
- Rambut tidak dibenarkan gaya pacak atau berfesyen atau berwarna.

#### **Perhiasan**

- Sebarang bentuk perhiasan dilarang.

## **Pakaian dan Rupa Diri Pelajar Perempuan**

### **Baju**

- Pakaian yang tertib, bersih, kemas, sopan dan menutup aurat (bagi pelajar Islam)
- Labuh baju sekurang-kurangnya menutupi paras punggung.
- Dilarang memakai pakaian yang mencolok mata (contohnya pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan seperti dada, bahu dan belakang).
- Dilarang bagi pelajar bukan Islam memakai skirt yang lebih pendek daripada paras lutut.
- Dilarang memakai Baju kemeja-T yang ketat atau tidak berkollar.

### **Sarung / Maxi**

- Labuh, longgar, tidak jarang dan tidak terbelah.

### **Seluar**

- Seluar panjang jenis cotton atau slack dan tidak ketat.
- Seluar jeans dilarang untuk dipakai ke kuliah.

### **Kasut**

- Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat. Kasut sukan dibenarkan.
- Dilarang memakai selipar, terompah, capal dan seumpamanya.
- Dilarang memakai kasut berladam logam yang berbunyi bising.


### **Rambut**

- Hendaklah kemas, beridentitikan seorang pelajar perempuan dan menutup aurat (bagi pelajar Islam)

### **Perhiasan**

- Tidak digalakkan memakai barang kemas.
- Dilarang mencukur bulu kening dan solekan yang berlebihan .

# PENDAFTARAN PELAJAR DIPLOMA



Selamat Datang  
Ke  
Politeknik Sultan Idris Shah!  
  
Belajar rajin-rajin ya, jangan hampakan harapan ibubapa anda!



# PERINGATAN PENTING

## PERKARA:

1. Maklumat anda akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran. Anda dinasihatkan tidak datang mendaftar jika:
  - memberi maklumat salah atau palsu semasa permohonan berkaitan dengan:
    - Kewarganegaraan
    - Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir
  - anda seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.
2. Jika anda terlibat dengan perkara di atas, tindakan menarik balik atau pembatalan tawaran kemasukan ke Politeknik akan dilakukan.
3. Pelajar yang mendapat tawaran program yang disenaraikan di bawah ini, dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan Pengurusan & Pembangunan Pelajar, Politeknik dengan **SEGERA** sekiranya didapati Buta Warna setelah membuat Pemeriksaan Doktor. Rujuk HEP 2.
  - Diploma Seni Bina
  - Diploma Senibina Kapal
  - Diploma Kejuruteraan Elektrik
  - Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
  - Diploma Kejuruteraan Elektronik (Kawalan)
  - Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)
  - Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)
  - Diploma Kejuruteraan Elektronik (Perubatan)
  - Diploma Kejuruteraan Elektronik (Optoelektronik)
  - Diploma Kejuruteraan Elektrik (Tenaga Hijau)
  - Diploma Kejuruteraan Elektrik & Instrumentasi
  - Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kecekapan Tenaga)
  - Diploma Kejuruteraan Mekatronik
  - Diploma Kejuruteraan Perkapalan
  - Diploma Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat
  - Diploma Rekabentuk Fesyen Dan Pakaian
  - Diploma Rekabentuk Grafik
  - Diploma Teknologi Media Cetak
  - Diploma Rekabentuk Industri
4. Pelajar di kehendaki mencetak surat tawaran terkini di laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my> untuk simpanan sendiri.

## **SEMAK TAWARAN**

\*Dilaman web  
[ambilan.mypolycc.edu.my](http://ambilan.mypolycc.edu.my)

- Sila baca dan faham tawaran anda dengan teliti. Sesungguhnya, dengan membaca, tiada masalah akan timbul kelak.

## **LENGKAPKAN BJT &BHEP 1-6**

\*Dibawa bersama  
semasa pendaftaran

- BJT atau lebih dikenali sebagai Borang Jawapan Tawaran **WAJIB** di bawa semasa hari pendaftaran. **Hanya pelajar yang mendapat tawaran RAYUAN perlu menghantar (melalui pos) BJT ke Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) tujuh (7) hari selepas tawaran dikeluarkan.**
- Segala dokumen yang disertakan bersama BJT **WAJIB** mendapat pengesahan daripada pegawai kerajaan bergred 41 ke atas.
- BHEP 1 – 6 yang lengkap **WAJIB** dibawa bersama semasa hari pendaftaran.
- Sila pastikan BHEP 1 – 6 anda lengkap sebelum hadir ke PSIS.
- Anda dilarang sama sekali menghantar BHEP 1 – 6 melalui pos ke pihak PSIS.
- Sila baca dan faham keperluan BHEP 1 – 6 dengan teliti. Sesungguhnya dengan membaca, proses pendaftaran anda pada hari tersebut akan berjalan dengan lancar.

## **MEMBAYAR YURAN**


\*Diselesaikan sebelum  
hari pendaftaran

- Terdapat dua (2) jenis yuran yang perlu diselesaikan oleh pelajar sebelum hadir pada hari pendaftaran. Yuran tersebut adalah seperti berikut;
  - **YURAN PENGAJIAN** - RM200.00
  - **YURAN ASRAMA** - RM 60.00
- Berikut adalah cara membuat bayaran menggunakan BIMB ATM / BIMB CDM / BIMB Internet Banking

<b>BIMB ATM</b>	
<b>Jenis Bayaran</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>➢ Yuran Pengajian (RM200.00)</li><li>➢ Yuran Asrama (RM60.00)</li></ul>
<b>Cara Membuat Bayaran</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pilih butang lain-lain</li><li>2. Klik pembayaran bil &amp; yuran IPT</li><li>3. Masukkan nombor kad pengenalan pelajar</li><li><b>4. Sila pastikan nombor bill bermula dengan 17</b></li><li>5. Buat pembayaran</li></ol> <p>* SILA PASTIKAN ANDA MEMBUAT BAYARAN YANG BETUL. * SILA PASTIKAN JUMLAH BAYARAN BETUL BAGI MENGELAKKAN BAYARAN BERGANDA.</p>

## TATACARA MENGGUNAKAN MESIN ATM BIMB

- Berikut adalah tatacara pembayaran melalui ATM. Kod bayaran bagi Politeknik Sultan Idris adalah 17. Contoh "17xxxxxxRM200". Sila pastikan jumlah bayaran betul bagi mengelakkan bayaran berganda.



## BIMB CDM

### Jenis Bayaran

- Yuran Pengajian (RM200.00)
- Yuran Asrama (RM60.00)


### Cara Membuat Bayaran

1. Pilih yuran IPT/Bill Presentment
2. Masukkan nombor kad pengenalan pelajar
- 3. Sila pastikan nombor bill bermula dengan 17**
4. Buat pembayaran

\* SILA PASTIKAN ANDA MEMBUAT BAYARAN YANG BETUL.  
\* SILA PASTIKAN JUMLAH BAYARAN BETUL BAGI  
MENGELAKKAN BAYARAN BERGANDA.

### TATACARA MENGGUNAKAN MESIN ATM BIMB

- Berikut adalah tatacara pembayaran melalui CDM. Kod bayaran bagi Politeknik Sultan Idris adalah 17. Contoh “17xxxxxxRM200”. Sila pastikan jumlah bayaran betul bagi mengelakkan bayaran berganda.



## BIMB Internet Banking

### Jenis Bayaran

- Yuran Pengajian (RM200.00)
- Yuran Asrama (RM60.00)

### Cara Membuat Bayaran

1. Log masuk ke akaun BIMB Internet Banking anda
2. Pilih Bill Presentment
3. Masukkan nombor kad pengenalan pelajar
- 4. Sila pastikan nombor bill bermula dengan 17**
5. Buat pembayaran

\* SILA PASTIKAN ANDA MEMBUAT BAYARAN YANG BETUL.  
\* SILA PASTIKAN JUMLAH BAYARAN BETUL BAGI  
MENGELAKKAN BAYARAN BERGANDA.

- Pembayaran boleh dibuat bermula pada **6 Julai 2020 (Isnin)**.
- Sebarang masalah berkaitan dengan pembayaran bolehlah menghubungi **03 3280 6257 / 6255 / 6256**

# BAYARAN PELBAGAI

Pelajar perlu menyediakan RM300.00 dalam bentuk wang tunai atau e-wallet (Boost) untuk pembelian barang kelengkapan.

**RM300.00**

- Insurans Pelajar
- Kelengkapan Pelajar Baharu

Pelajar akan dimaklumkan berkaitan dengan perkara tersebut selepas proses pendaftaran selesai di Jabatan.

Berikut adalah e-wallet yang diguna di Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)



# HANTAR GAMBAR

\*Di email selepas  
membuat bayaran  
yuran

- Pelajar **DIWAJIBKAN** menghantar salinan lembut gambar berukuran passport melalui email ke [jpppelrasmi@gmail.com](mailto:jpppelrasmi@gmail.com)
- Gambar tersebut akan digunakan bagi proses kad pelajar.
- Gambar tersebut perlulah dalam format .png atau .jpg
- Gambar tersebut **DIWAJIBKAN** mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.
- Sila nyatakan nama dan nombor kad pengenalan di dalam email tersebut.
- **Sila email gambar tersebut sebelum 30 Julai 2020 (Khamis).**



## PELAJAR LELAKI

- Berambut kemas tidak panjang/berwarna
- Berkemeja putih dan bertali leher hitam
- Latar belakang gambar berwarna putih
- SENYUM!



## PELAJAR PEREMPUAN

- Berambut kemas diikat tidak berwarna
- Memakai blaus/baju kurung berwarna putih
- Latar belakang gambar berwarna putih
  - SENYUM!



## PELAJAR PEREMPUAN

- Bertudung hitam kemas
- Memakai blaus/baju kurung berwarna putih
- Latar belakang gambar berwarna putih
- SENYUM!

# DAFTAR ONLINE

\*Di selesaikan sebelum  
hari pendaftaran

- Pelajar hanya boleh membuat pendaftaran online 24 jam selepas membuat pembayaran.
- Sila login ke <http://spmp.psis.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp>
- Masukkan nombor kad pengenalan dan klik **Teruskan**.
- Sila klik Pendaftaran Online (dalam talian) dan cetak **Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)**.
- Anda **DIWAJIBKAN** untuk membawa slip tersebut semasa hari pendaftaran.



This screenshot shows the "Panduan Pendaftaran Pelajar Baru Online Politeknik Sultan Idris Shah" page. It includes a table with steps and actions:

Tawaran anda adalah dengan Kamsis	Langkah	Perkara yang perlu dilakukan
	1	Cetak Dokumen Pendaftaran Sila cetak Maklumat Am Pendaftaran Pelajar Baharu seperti arahan yang telah dimaklumkan melalui Laman Web Rasmi Politeknik Sultan Idris Shah
	2	Cetak Maklumat Bayaran Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.
	3	Semak status bayaran Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Sultan Idris Shah sehari selepas bayaran dibuat
	4	Pendaftaran Online (dalam talian) Anda telah pun mendaftar sila cetak slip pengesahan pendaftaran dalam talian sahaja jika anda belum berbutuh demikian

At the bottom, there's a note about reporting issues and contact information: "Sebarang masalah atau pertanyaan bolehlah berhubung terus di Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Sultan Idris Shah Tel : 03-32806200 Fax : 03-32806400 http://www.psis.edu.my/".

# **HARI PENDAFTARAN**

\*Bawa segala dokumen  
& keperluan pengajian

- Pendaftaran pelajar baharu ke Politeknik Sultan Idris Shah adalah mengikut surat tawaran pelajar.
- Bermula jam 8.30 AM sehingga jam 11.30 AM & bertempat di Padang Kawad, Politeknik Sultan Idris Shah secara pandu lalu.
- Hanya dua (2) waris sahaja dibenarkan untuk mengiringi pelajar semasa hari pendaftaran.
- Pelajar dikehendaki menyediakan dan membawa keperluan berikut untuk kegunaan semasa MTS;

## **PELAJAR LELAKI**

- Seluar track (track bottom) berwarna gelap secukupnya
- Baju T-Shirt berkollar secukupnya
- Kasut sukan
- Kasut (kulit atau PVC) bersarung
- Stokin
- Baju kemeja (lengan panjang / lengan pendek) secukupnya
- Seluar panjang cotton atau slack berwarna hitam / gelap secukupnya.
- Tali leher
- Payung & Lampu Suluh

## **PELAJAR PEREMPUAN**

- Seluar track (track bottom) berwarna gelap secukupnya
- Baju T-Shirt berkollar lengan panjang secukupnya
- Kasut sukan
- Kasut (kulit atau PVC) bersarung
- Baju kurung secukupnya
- Kain berwarna hitam / gelap (untuk dipakai dengan baju batik rasmi MSK)
- Kain tudung tanpa corak (pelajar Muslim)
- Payung & Lampu Suluh

## **BARANGAN KEPERLUAN LAIN**

- Cadar tilam, bantal, barang mandian, ubat & sebagainya.

## **TATACARA PEMAKAIAN SEMASA HARI PENDAFTARAN**

### **PELAJAR BAHARU**

Pada hari pendaftaran pelajar baharu, pelajar wajib mengikuti tatacara pemakaian yang ditetapkan seperti berikut:

#### **a) Pelajar Lelaki**

- Memakai baju kemeja putih berlengan panjang
- Memakai tali leher hitam
- Memakai seluar "slack" berwarna hitam/gelap
- Memakai kasut hitam dan berstokin

#### **b) Pelajar Perempuan**

- Memakai baju kurung putih tanpa corak
- Memakai kain sarung hitam
- Memakai kain tudung hitam (bagi pelajar Islam)
- Memakai kasut hitam dan berstokin

atau

- Memakai blouse berwarna putih tanpa corak
- Memakai skirt labuh aras buku lali yang berwarna hitam
- Memakai kasut hitam dan berstokin

#### **c) Rambut mestilah kemas.**

- Bagi pelajar lelaki, rambut hendaklah pendek dengan paras belakang tidak melebihi paras kolar baju, paras tepi tidak melebihi paras atas telinga dan paras depan tidak melebihi paras dahi. Rambut fesyen yang keterlaluan juga tidak dibenarkan.

### **PERINGATAN:**

**PELAJAR WAJIB MENGIKUTI PERATURAN  
PEMAKAIAN YANG TELAH DITETAPKAN SEMASA  
HARI PENDAFTARAN**

# MAKLUMAT TAMBAHAN

## PENGURUSAN & PENDAFTARAN PELAJAR


### PASCA COVID-19

Pelajar perlu mematuhi arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak Politeknik, KPT selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Garis panduan Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi Jun 2020 (Pasca Covid-19) adalah seperti berikut:

- i. urusan pendaftaran kemasukan pelajar baharu dibuat secara berperingkat bagi memastikan jumlah kehadiran adalah terkawal pada satu-satu masa. Perjalanan pelajar adalah ditanggung dan diurus sendiri oleh pelajar.
- ii. pelaksanaan norma baharu seperti pemeriksaan suhu badan, penggunaan pensanitasi tangan, pemakaian pelitup muka dan pengamalan penjarakan sosial akan diadakan di seluruh Politeknik, KPT.
- iii. **hanya dua (2) orang waris sahaja yang dibenarkan untuk mengiringi pelajar semasa hari pendaftaran.**
- iv. pelajar yang bergejala COVID-19, berstatus Person under Investigation (PUI) atau Person under Surveillance (PUS), tidak dibenarkan mendaftar.
- v. pelajar baharu akan mengikuti PdP secara dalam talian di dalam kampus kecuali aktiviti makmal di dalam kelas.
- vi. Sebarang pertanyaan sila hubungi pihak pengurusan Politeknik berkenaan.

## **SENARAI SEMAK SEBELUM BERTOLAK KE POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH (PSIS)**



# BORANG SARINGAN KESIHATAN (PELAJAR)

Yang Dihormati Tuan / Puan,

Bagi mengelakkan penyebaran COVID-19 dikalangan komuniti kamu juga dan orang lain, pihak kami perlu menjalankan soal selidik ringkas berkaitan dengan tahap kesihatan dan sejarah perjalanan terkini tuan/puan. Penglibatan pihak tuan/puan dalam mengisi soal selidik adalah penting bagi membolehkan pihak kami mengambil langkah pencegahan dan pengawalan sewajarnya bagi membendung penyebaran COVID-19 di dalam kampus ini.

Kerjasama dari pihak tuan/puan amatlah dihargai. Terima kasih.

Nama:	No. Telefon:
No. Kad Pengenalan / No. Passport*:	Warganegara:
Organisasi (Jika berkenaan):	
Lokasi: KOLEJ KEDIAMAN, PSIS	Pihak Penganjur: PSIS
Bacaan Suhu Badan:	Dicatat oleh (Nama Pegawai):

## PENGISYIHIARAN KESIHATAN

Adakah anda mempunyai gejala berikut, sila bulatkan jawapan anda:				
1	Demam	Batuk	Sakit Tekak	Sesak Nafas
	Lain-lain: _____			
2	Adakah anda pernah berhubung rapat dengan sebarang cluster COVID-19 yang dinyatakan oleh KKM atau Peasakit dibawah Siasatan (PUI) atau pesakit COVID-19 positif dalam masa 14 hari lalu?			
	YA	TIDAK		
3	Pernahkah anda ke negara atau kawasan yang terjejas COVID-19 dalam masa 14 hari lalu?			
	YA	TIDAK	Jika YA, sila nyatakan negara atau kawasan tersebut: _____	

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

\*Nota: Maklumat ini akan digunakan untuk mengesan kontak jika diperlukan. Borang ini hendaklah dicetak dan diisi maklumat (kecuali suhu yang akan dicatat semasa di pondok keselamatan) dan dibawa bersama semasa datang ke Politeknik Sultan Idris Shah

# BORANG SARINGAN KESIHATAN

## (IBU BAPA/WARIS/PENJAGA)

Yang Dihormati Tuan / Puan,

Bagi mengelakkan penyebaran COVID-19 dikalangan komuniti kamu juga dan orang lain, pihak kami perlu menjalankan soal selidik ringkas berkaitan dengan tahap kesihatan dan sejarah perjalanan terkini tuan/puan. Penglibatan pihak tuan/puan dalam mengisi soal selidik adalah penting bagi membolehkan pihak kami mengambil langkah pencegahan dan pengawalan sewajarnya bagi membendung penyebaran COVID-19 di dalam kampus ini.

Kerjasama dari pihak tuan/puan amatlah dihargai. Terima kasih.

Nama:	No. Telefon:
No. Kad Pengenalan / No. Passport*:	Warganegara:
Organisasi (Jika berkenaan):	
Lokasi: KOLEJ KEDIAMAN, PSIS	Pihak Penganjur: PSIS
Bacaan Suhu Badan:	Dicatat oleh (Nama Pegawai):

### PENGISYTIHARAN KESIHATAN

Adakah anda mempunyai gejala berikut, sila bulatkan jawapan anda:				
1	Demam	Batuk	Sakit Tekak	Sesak Nafas
	Lain-lain: _____			
2	Adakah anda pernah berhubung rapat dengan sebarang cluster COVID-19 yang dinyatakan oleh KKM atau Peasakit dibawah Siasatan (PUI) atau pesakit COVID-19 positif dalam masa 14 hari lalu?			
	YA	TIDAK		
3	Pernahkah anda ke negara atau kawasan yang terjejas COVID-19 dalam masa 14 hari lalu?			
	YA	TIDAK	Jika YA, sila nyatakan negara atau kawasan tersebut: _____	

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

\*Nota: Maklumat ini akan digunakan untuk mengesan kontak jika diperlukan. Borang ini hendaklah dicetak dan diisi maklumat (kecuali suhu yang akan dicatat semasa di pondok keselamatan) dan dibawa bersama semasa datang ke Politeknik Sultan Idris Shah

**JADUAL MINGGU TRANSFORMASI SISWA PSIS  
SESI JUN 2020**

TARIKH	HARI	0830 - 1130	1130 - 1245	1245 - 1400	1400 - 1700	1700 - 1730	1730 - 1830	1830 - 21.00	2100 - 2200
03 OGOS	ISININ	PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU (JABATAN KEJURUTERAAN AWAM)	PERSIAPAN DIRI		PENGENALAN JABATAN, PENASIHAT AKADEMIK, SPMP DAN CIDOS				PERTANDINGAN e-SPORT (PERINGKAT JKA)
		KEMEJA, SELUAR SLACK, BERKASUT / BAJU KURUNG			KEMEJA, SELUAR SLACK, BERKASUT / BAJU KURUNG				
		PADANG KAWAD	KOLEJ KEDIAMAN		JABATAN KEJURUTERAAN AWAM/MAKMAL KOMPUTER				KOLEJ KEDIAMAN
04 OGOS	SELASA	0830 - 1130	1015 - 1045		1400 - 1700				2100 - 2200
		PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU (JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK)	PERSIAPAN DIRI		PENGENALAN JABATAN, PENASIHAT AKADEMIK, SPMP DAN CIDOS				PERTANDINGAN e-SPORT (PERINGKAT JKE)
		KEMEJA, SELUAR SLACK, BERKASUT / BAJU KURUNG			KEMEJA, SELUAR SLACK, BERKASUT / BAJU KURUNG				
05 OGOS	RABU	PADANG KAWAD	KOLEJ KEDIAMAN		JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK/MAKMAL KOMPUTER				KOLEJ KEDIAMAN
		0830 - 0915	1015 - 1115		1400 - 1700				2100 - 2200
		PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU (JABATAN PERDAGANGAN)	PERSIAPAN DIRI		PENGENALAN JABATAN, PENASIHAT AKADEMIK, SPMP DAN CIDOS				PERTANDINGAN e-SPORT (PERINGKAT JP)
06 OGOS	KHAMIS	KEMEJA, SELUAR SLACK, BERKASUT / BAJU KURUNG			KEMEJA, SELUAR SLACK, BERKASUT / BAJU KURUNG				
		PADANG KAWAD	KOLEJ KEDIAMAN		JABATAN PERDAGANGAN/MAKMAL KOMPUTER				KOLEJ KEDIAMAN
		0830 - 0915	1015 - 1115		1400 - 1700				2100 - 2200
07 OGOS	JUMAAT	PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU (JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI)	PERSIAPAN DIRI		PENGENALAN JABATAN, PENASIHAT AKADEMIK, SPMP DAN CIDOS				PERTANDINGAN e-SPORT (PERINGKAT JPH)
		KEMEJA, SELUAR SLACK, BERKASUT / BAJU KURUNG			KEMEJA, SELUAR SLACK, BERKASUT / BAJU KURUNG				
		PADANG KAWAD	KOLEJ KEDIAMAN		JABATAN PELANCONGAN & HOSPITALITI/MAKMAL KOMPUTER				KOLEJ KEDIAMAN
08 - 09 OGOS	SABTU & AHAD	0830 - 1215			1400 - 1700				2100 - 2200
		PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU (JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (TEKNOLOGI DIGITAL))	PERSIAPAN DIRI		PENGENALAN JABATAN, PENASIHAT AKADEMIK, SPMP DAN CIDOS				PERTANDINGAN e-SPORT (PERINGKAT JTMK)
		KEMEJA, SELUAR SLACK, BERKASUT / BAJU KURUNG			KEMEJA, SELUAR SLACK, BERKASUT / BAJU KURUNG				
		PADANG KAWAD	KOLEJ KEDIAMAN		(JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (TEKNOLOGI DIGITAL)) / MAKMAL KOMPUTER				KOLEJ KEDIAMAN
		0830 - 1030			1400 - 1800				2100 - 2300
		PENDAFTARAN PELAJAR LAMA			PENDAFTARAN PELAJAR LAMA				PENGURUSAN DIRI
		PENDAFTARAN PELAJAR LAMA			PENDAFTARAN PELAJAR LAMA				PENGURUSAN DIRI

SOLAT ZOHOR/ MAKAN TENGAHARI / SOLAT JUMAAT SEHINGGA JAM 2.45 PETANG

SOLAT ASAR

REHAT / PERSIAPAN DIRI

MAKAN MALAM / SOLAT MAGHRIB & ISYA / KULIAH MORAL

**NOTA**

1. PELAJAR AKAN DIHUBungi/BANTU OLEH FASI UNTUK KE SLOT PETANG
2. SEMUA PELAJAR MUSLIM ADALAH WAJIB MELAKSANAKAN SOLAT
3. PELAJAR YANG MEMPUNYAI MASALAH KESIHATAN HENDAKLAH MEMAKLUMKAN KEPADA FASILITATOR/PENASIHAT AKADEMIK DENGAN SEGERA
4. SEGALA SOP DAN PENJARAKKAN SOSIAL HENDAKLAH DIPATUHI
5. HANYA MAKAN TENGAHARI DAN MALAM HARI PENDAFTARAN SAHAJA AKAN DIBERIKAN